



*Siaran*  
**AKHBAR**

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 ( ) 4/11

**LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA  
YB HAJI MOHAMAD BIN SABU KE REPUBLIK INDONESIA SEMPENA  
MESYUARAT KE-41 JAWATANKUASA AM SEMPADAN MALAYSIA - INDONESIA  
(GENERAL BORDER COMMITTEE MALAYSIA - INDONESIA (GBC MALINDO))  
14-15 NOVEMBER 2018 BALI, INDONESIA**

**Kuala Lumpur** - Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu akan mengadakan Lawatan Kerja ke Republik Indonesia pada 14 - 15 November 2018 sempena Mesyuarat ke-41 Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia - Indonesia. Mesyuarat ini akan dipengerusikan buat julung-julung kalinya oleh YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu bersama Menteri Pertahanan Republik Indonesia, TYT Jeneral (B) Ryamizard Ryacudu.

Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia - Indonesia merupakan mesyuarat dua hala yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir antara Malaysia dan Indonesia. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memantau serta mentadbir kerjasama persempadanan bagi Malaysia dan Indonesia di samping memastikan kestabilan di kawasan sempadan Malaysia dan Indonesia sentiasa terkawal. YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu akan diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Halimi bin Abd Manaf; Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, YM Tuan Haji Engku Hamzah bin Tuan Mat dan pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi yang berkepentingan.

Dalam mesyuarat tersebut, kedua-dua Menteri Pertahanan akan mendengar laporan berhubung kegiatan yang telah dilaksanakan dan kemajuan bersama yang telah dicapai sejak Mesyuarat ke-40 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 28 September 2017.

Di samping itu, kedua-dua Menteri Pertahanan dijangka akan membincangkan secara khusus usaha-usaha ke arah meningkatkan tahap keselamatan di kawasan sempadan yang akan menjurus kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi dan memperbaiki taraf hidup demi kesejahteraan rakyat di sempadan kedua-dua negara.

Selain daripada mempengerusikan Mesyuarat ke-41 Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia - Indonesia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu akan turut mengadakan pertemuan tertutup dengan rakan sejawat beliau dari Republik Indonesia.

-Tamat-

**"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
14 November 2018**